

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.78 yang telah diadakan pada 9 Jun 2014 telah meluluskan cadangan penambahbaikan polisi dan kriteria kenaikan pangkat staf akademik UTM berkuatkuasa pada

1 November 2014.



**DRAF BUKU GARIS PANDUAN
KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**



**BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN
PEJABAT PENDAFTAR**

GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UTM




UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN
PEJABAT PENDAFTAR

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1	DEFINISI ISTILAH KENAIKAN PANGKAT
1.1	Definisi Istilah Kenaikan Pangkat
1.2	Peranan dan Tanggungjawab
1.3	Urus Setia Kenaikan Pangkat
1.4	Jawatankuasa Pemilih Bagi Perlantikan ke Jawatan Guru Selain Kursi
1.5	Jawatankuasa Pemilih Bagi Perlantikan ke Satu Jawatan Kursi
1.6	Iklan dan Hebahan Pelawaan Kenaikan Pangkat
BAHAGIAN 2	KRITERIA KENAIKAN PANGKAT
2.1	Syarat Skim Perkhidmatan
2.2	Syarat Minimum Kenaikan Pangkat Mengikut Skim
2.3	SubBidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Pangkat
2.4	Ringkasan Peratusan
2.5	Pemilihan
BAHAGIAN 3	PERIHAL MENGENAI KENAIKAN PANGKAT
3.1	Prinsip Penetapan Gaji bagi Kenaikan Pangkat
3.2	Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan
3.3	Tarikh Kenaikan Pangkat
3.4	Staf yang Bercuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Berbiasiswa, Cuti Separuh Gaji dan Tanpa Gaji.
3.5	Staf yang Dilantik Secara Kontrak, Sementara, Sambilan dan sebagainya
3.6	Staf yang dilantik secara pertukaran sementara dan pinjaman
3.7	Staf yang dilantik memegang jawatan Pentadbir Akademik



3.8	Prestasi Staf Akademik
3.9	Laporan Penilai Luar untuk Permohonan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya dan Profesor
3.10	Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan bagi Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik
3.11	Bayaran untuk Penilai Luar dan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan
3.12	Pengecualian Syarat
3.13	Panduan Pelaksanaan
LAMPIRAN 1	Terma Rujukan Penilai Luar (<i>Referee</i>)
LAMPIRAN 2	Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (<i>Peer-Review Committee</i>)
LAMPIRAN 3	Pernyataan Peribadi
LAMPIRAN 4	Format CV
LAMPIRAN 5	Senarai Semak permohonan
LAMPIRAN 6	Carta Alir Proses Kenaikan Pangkat Staf Akademik
LAMPIRAN 7a	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Madya DS54)
LAMPIRAN 7b	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Gred VK7)
LAMPIRAN 7c	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Gred VK6)
LAMPIRAN 7d	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Gred VK5)
LAMPIRAN 8a	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial (Profesor Madya DS54)
LAMPIRAN 8b	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial (Profesor Gred VK7)

LAMPIRAN 8c	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial (Profesor Gred VK6)
LAMPIRAN 8d	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial (Profesor Gred VK5)
LAMPIRAN 9	Proses Kerja Pengurusan Laporan Penilai Luar
LAMPIRAN 10	Proses Kerja Pengurusan Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan

BAHAGIAN 1

DEFINISI ISTILAH KENAIKAN PANGKAT

1.1 Definisi Istilah Kenaikan Pangkat

Tafsiran-tafsiran yang digunakan di dalam proses kenaikan pangkat staf akademik adalah seperti berikut :

- (1) **Lembaga Pengarah** ertinya Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia seperti disebutkan dalam seksyen 16' Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia yang mempunyai kuasa sebagaimana dijelaskan dalam seksyen 19' Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- (2) **Naib Canselor** ertinya seorang Ketua Eksekutif bagi Universiti yang bertanggungjawab memastikan semua peruntukan Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, statut, kaedah-kaedah dan peraturan- peraturan dipatuhi, dan menjalankan pengawasan am ke atas segala perkiraan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib di Universiti serta boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah, dan peraturan-peraturan.
- (3) **Pihak Pengurusan Universiti** ertinya Pihak Pengurusan Universiti yang disebut dalam seksyen 15' Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan oleh statut.
- (4) **Timbalan Naib Canselor** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan tersebut yang bertanggungjawab untuk membantu Naib Canselor dalam melaksanakan mana-mana kewajipan, kuasa, atau fungsi jawatannya.
- (5) **Pendaftar** ertinya Pendaftar atau Ketua Jabatan dalam Universiti yang menguruskan hal sumber manusia, hal akademik atau hal pentadbiran umum dan termasuklah mana-mana orang lain dengan gelaran apa jua disebut, yang dilantik ke jawatan sepenuh masa yang diwujudkan dan dinamakan sedemikian oleh statut atau selainnya.

- (6) **Dekan** ertinya Ketua Jabatan dalam universiti yang mengetuai dan mengurus sebuah entiti akademik yang dinamakan sebagai Fakulti/Sekolah/Research Alliance atau apa jua nama yang ditetapkan bagi menjalankan fungsi sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- (7) **Jawatankuasa Pemilih** adalah sebagaimana yang dinyatakan pada seksyen 23(1), 23(2), 23(3), 23(4), dan 23(5) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- (8) **Guru** ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia dan ini termasuklah Profesor Madya Gred DS53/54, Pensyarah Gred DS51/52, dan Pensyarah Gred DS45.
- (9) **Ketua Jabatan** ertinya Ketua di mana jabatan tempat Pemohon bertugas.
- (10) **Pentadbir Akademik** ertinya staf akademik (berjawatan hakiki) yang dilantik menjawat jawatan pada tahap Ketua Jabatan dan ke atas, bagi menguruskan tugas-tugas pentadbiran/akademik di Fakulti/Pusat/Institut/Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- (11) **Pentadbir** ertinya staf tadbir di mana fakulti tempat Pemohon bertugas.
- (12) **Urus Setia Pusat** ertinya Seksyen Perjawatan (Kenaikan Pangkat Akademik), Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTM dan Bahagian Pengurusan Modal Insan, Fakulti.
- (13) **Urus Setia Fakulti** pentadbir yang menguruskan Pengurusan Modal Insan di mana fakulti tempat Pemohon bertugas.
- (14) **Penilai Luar Jawatan Profesor** ertinya Profesor daripada universiti - universiti terkemuka dari dalam dan luar negara, yang diiktiraf di dalam bidang kepakaran masing-masing yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti untuk menilai kelayakan Pemohon dari segi akademik.
- (16) **Jawatankuasa Pemilih bagi Pelantikan ke Suatu Jawatan Kursi** ertinya Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan Key Performance Indicator (KPI) untuk permohonan ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan ke atas.

- (17) **Jawatankuasa Pemilih bagi Jawatan Guru Selain Jawatan Kursi** ertinya Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk permohonan ke jawatan Pensyarah Kanan Gred (DS52) dan Profesor Madya Gred (DS54).
- (18) **Staf Akademik** ertinya jawatan-jawatan yang diwujudkan di Universiti Teknologi Malaysia yang mana kelayakan masuk ke jawatan tersebut adalah sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana, tidak termasuk jawatan Guru Bahasa, yang tugasnya adalah untuk mengajar, menyelidik, menghasilkan penerbitan dan membuat kerja-kerja perundingan etc.
- (19) **Kenaikan Pangkat** ertinya peningkatan secara hierarki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi di dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.
- (20) **Penyelidik utama (PI)** ditakrifkan sebagai penyelidik yang ditawarkan geran penyelidikan secara rasmi dan menjadi ketua projek.
- Bagi jawatan DS54 ke VK07, calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya dua (2) PI atas jawatan semasa.
 - Bagi jawatan VK07 ke VK06, calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) PI atas jawatan semasa.
 - Bagi jawatan VK06 ke VK05, calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya empat (4) PI atas jawatan semasa.
- (21) **Penyelidik bersama** adalah ahli projek di dalam satu projek penyelidikan yang diketuai oleh seorang ketua projek (UTM atau institusi lain).
- (22) **Jumlah peruntukan** ditakrifkan sebagai jumlah dana yang diluluskan oleh pemiaya geran.
- (23) **Dana Penyelidikan**
- Jumlah melebihi minimum perolehan dana dalam setiap kategori boleh diambil kira untuk memenuhi kriteria perolehan dana;
 - 30% daripada jumlah dana bagi jawatan yang dipohon mesti diperolehi selepas mendapat jawatan sebelumnya.
 - Merujuk kepada perkara (ii), bagi permohonan ke jawatan VK07 dan ke atas mestilah dana dari geran luar.

- (24) **Geran dalaman** adalah semua geran yang diberikan oleh UTM seperti geran universiti penyelidikan (GUP), *Instructional Development Grant* (IDG), *New Academic Staff* (NAS), *Flagship* dan sebagainya.
- (25) **Geran Luar** adalah geran selain daripada geran yang diberi oleh UTM seperti MOHE, MOSTI, MARDI, FRIM, badan kerajaan atau syarikat swasta dan GLC untuk penyelidikan kontrak, dan juga institusi luar negara. Jumlah minimum yang ditaja untuk layak diiktiraf sebagai geran penyelidikan adalah sebanyak RM30,000 untuk Sains Teknologi dan RM20,000 untuk Sains Sosial.
- (26) **Geran Antarabangsa** adalah jumlah peruntukan yang diluluskan yang ditaja oleh badan /agensi di luar Malaysia. Bagi geran antarabangsa mestilah disalurkan secara rasmi ke akaun UTM melalui Bendahari UTM atau RMC. Jumlah minimum yang ditaja untuk layak diiktiraf sebagai geran penyelidikan adalah sebanyak RM30,000 untuk Sains Teknologi dan RM10,000 untuk Sains Sosial.
- (27) **Geran Industri** adalah jumlah peruntukan yang diluluskan yang ditaja syarikat swasta dan GLC dalam Negara untuk penyelidikan kontrak seperti Proton, CIDB dan sebagainya. Jumlah minimum yang ditaja untuk layak diiktiraf sebagai geran penyelidikan adalah sebanyak RM20,000 untuk Sains Teknologi dan RM16,000 untuk Sains Sosial.
- (28) **Artikel** bagi staf UTM hanya diiktiraf jika menggunakan afiliasi UTM sahaja Artikel yang diterbitkan sebelum tahun 2009 juga diambil kira walaupun tidak menggunakan afiliasi UTM (*untuk staf UTM sahaja*).
- (29) **Jurnal Web Of Science (WOS)** adalah jurnal yang diindeks oleh WOS yang mempunyai nilai impact factor (IF) > 0.0
- (30) **H-index** yang diambil kira adalah yang disediakan oleh SCOPUS sahaja yang diperakukan oleh Penilai Kesepakatan dengan mengambilkira bilangan “*Self Citation*”.
- (31) **Jurnal berindeks** ditakrifkan sebagai jurnal yang diindeks oleh ISI / WOS dan SCOPUS sahaja bagi sains dan teknologi dan **TIDAK TERMASUK** Prosiding Terindeks. Untuk bidang Sains Sosial termasuk Jurnal yang diindeks oleh Excellence Research Australia (ERA).
- i. Bagi staf yang berumur 48 tahun ke atas, kesetaraan yang diambilkira adalah penerbitan *paper* sebelum 1 Januari 2011 adalah seperti berikut :

- a. 3 paper in indexed proceeding = 1 indexed journal;
- b. 5 paper in non indexed journal = 1 indexed journal.
- c. 10 paper in proceeding = 1 indexed journal;

- ii. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK07 dan ke atas untuk bidang bidang Sains Teknologi, 15 jurnal diperolehi atas jawatan semasa, dan 5 daripadanya mestilah dari jurnal ISI.
- iii. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK07 untuk bidang Sains Sosial, 10 jurnal diperolehi atas jawatan semasa dan 3 daripadanya mestilah dari jurnal ISI.
- iv. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK06 untuk bidang Sains Sosial, 15 jurnal diperolehi atas jawatan semasa, dan 4 daripadanya mestilah dari jurnal ISI.
- v. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK05 untuk bidang Sains Sosial, 15 jurnal diperolehi atas jawatan semasa, dan 5 daripadanya mestilah dari jurnal ISI.

(32) **Jurnal tidak berindeks** ditakrifkan sebagai jurnal yang tidak diindeks oleh ISI / WOS dan SCOPUS bagi Sains Teknologi dan untuk bidang Sains Sosial tidak termasuk jurnal yang diindeks oleh ERA.

(33) **Corresponding author** ditakrifkan sebagai penulis yang berkomunikasi dengan editor jurnal berkenaan.

(34) **First author** ditakrifkan sebagai penulis pertama dari kalangan staf akademik UTM di dalam turutan penulis-penulis artikel.

(35) **Bab dalam Buku**

Ditakrifkan sebagai bab dalam buku tersunting (*edited book*) yang dinilai oleh penilai luar. Buku ini diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf oleh UTM. Satu (1) buku bersamaan empat (4) bab.

(36) **Buku Karya Asli**

Kerja kesarjanaan (*scholarly work*) diwasit oleh penilai luar (*external refereed*) dan diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf oleh UTM.

(37) **Buku penyelidikan**

Adalah buku asli hasil penyelidikan yang ditulis oleh penulis sama untuk setiap bab. Buku ini perlu dinilai oleh penilai luar dan diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf UTM.

(38) Pengajaran

- a. Pengajaran ialah beban tugas yang melibatkan kursus yang diberi nilai kredit dan tidak berbayar.
- b. Pengajaran tiada kredit disetarakan dengan 1 jam mengajar seminggu dan 2 jam persediaan berdasarkan 14 minggu persemester bersamaan dengan 1 jam.
- c. Pengiraan kumulatif kredit mengajar daripada lantikan ke jawatan Pensyarah.
- d. Penyeliaan Projek Sarjana Muda (PSM) dan projek Sarjana (mod kerja kursus) juga dikira sebagai pengajaran, berdasarkan bilangan pelajar yang lulus.
- e. Latihan mengajar juga dikira sebagai pengajaran, berdasarkan bilangan pelajar yang diselia/dibimbing.
- f. Penyeliaan Latihan Praktik/Industri juga dikira sebagai pengajaran, berdasarkan bilangan pelajar yang diselia.

(39) Projek PSM

Satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi pengajian Ijazah Sarjana Muda.

(40) Projek Sarjana (Taught course/Coursework)

Satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi pengajian siswazah (Sarjana) jenis Kerja Kursus.

(41) Penyeliaan

- i. Proses bimbingan bermula daripada mengenalpasti masalah sehingga pelajar bergraduasi.
- ii. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK07, seorang pelajar PhD diperolehi atas jawatan semasa.
- iii. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK06, empat (4) pelajar PhD diperolehi atas jawatan semasa.
- iv. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK05, dua (2) pelajar PhD diperolehi atas jawatan semasa.
- v. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred VK07, VK06 dan VK05, dua (2) pelajar Sarjana secara penyelidikan diperolehi atas jawatan semasa.
- vi. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred DS54, seorang pelajar Sarjana secara penyelidikan diperolehi atas jawatan semasa.

(42) Kesetaraan Penyereliaan PhD

- i. 1 PhD yang bergraduasi = 2 Sarjana secara Penyelidikan yang bergraduasi dan bukan sebaliknya.
- ii. 2 penyerelia bersama = 1 penyerelia Utama – PhD sahaja.
- iii. Bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred DS54, calon hendaklah telah menggraduasi seorang pelajar PhD atau telah menyerelia 2 orang calon PhD melebihi 2 tahun pengajian calon tersebut.

(43) Kesetaraan Penyereliaan Sarjana

- i. 3 Sarjana Mod Campuran (yang bergraduasi sahaja) = 1 Sarjana secara Penyelidikan (yang bergraduasi sahaja).
- ii. 3 penyerelia bersama = 1 penyerelia Utama – Sarjana secara penyelidikan sahaja

(44) Disertasi

Satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi pengajian siswazah mod Kerja Kursus & Penyelidikan.

(45) Tesis

Satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah bagi pengajian siswazah mod pengajian Penyelidikan.

(46) Keanggotaan Dalam Jawatankuasa Badan Penasihat/Badan Profesional

- i. Badan Penasihat adalah satu kumpulan pakar rujuk / persatuan / NGO yang berperanan memberi nasihat dan diiktiraf oleh Universiti.
- ii. Badan Profesional adalah satu kumpulan yang dilantik dalam melaksanakan aktiviti dengan skop dan terma rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini termasuk jawatankuasa dalam Badan Profesional seperti IEM, LAM, BEM, dll.
- iii. Pengerusi / AJK kepada satu Badan Penasihat / Badan Profesional yang diterima dan diiktiraf oleh jawatankuasa panel penilai kesepakaran – sekurang-kurangnya satu pada waktu memegang jawatan semasa.

(47) **Penilai Jurnal**

Seseorang yang dilantik untuk menilai kertas kerja teknikal yang ditulis untuk tujuan penerbitan jurnal.

(48) **Editor Jurnal**

Seseorang yang dilantik untuk mengetuai satu lembaga editor sesebuah jurnal.

(49) **Pemeriksa Luar Tesis**

Pakar yang dilantik untuk menilai tesis pelajar di IPT lain untuk Sarjana dan PhD secara penyelidikan sahaja.

(50) **Pemeriksa Luar Program**

Pakar yang dilantik untuk menilai sesuatu program pengajian akademik di IPT lain. Program akademik yang terlibat meliputi program peringkat Pra Siswazah dan Pasca Siswazah sahaja.

(51) **Pakar Rujuk**

Pakar yang dilantik untuk memberi pandangan dan nasihat dalam bidang kepakaran masing-masing.

(52) **Fasilitator**

Pakar atau penceramah yang dilantik sebagai pemudahcara sekurang-kurangnya di peringkat Universiti / luar Universiti.

(53) **Penilai Manuskrip Buku**

Seseorang yang dilantik untuk menilai Manuskrip Buku yang diiktiraf oleh Universiti.

(54) **Ahli Lembaga Pengajian**

Pakar yang dilantik untuk memberi nasihat bagi pembentukan /penambahbaikan / semakan bagi program pengajian akademik yang baru di IPT lain untuk menilai program peringkat Pra Siswazah dan Pasca Siswazah.

(55) **Anugerah Akademik**

Anugerah Akademik adalah anugerah yang diterima berdasarkan kecemerlangan pengajaran, penerbitan, penyelidikan dan perkhidmatan diperingkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa seperti :

- a. Anugerah pengajaran – Anugerah Tokoh Pengajaran etc;
- b. Anugerah Penerbitan – Anugerah Penulis Jurnal Berindeks, Anugerah Tokoh Penerbitan, Anugerah Terbitan Makalah Jurnal, Anugerah Buku Karya Asli Terbaik, Anugerah Penerbitan Buku etc.
- c. Anugerah Penyelidikan & Inovasi – Anugerah Penyelidikan Terbaik, Anugerah Inovasi dan Komersialan Produk, Anugerah Harta Intelek dan Komersialisasi, Anugerah Tokoh Penyelidik, Anugerah Perundingan etc.
- d. Pingat-pingat yang dimenangi dalam INATEX, ITEX, MTE, IENA, BIS, SIF etc.
- e. Anugerah peringkat kebangsaan meliputi Akademi Sains Negara, Akademi Perubatan Malaysia, Anugerah Akademik Negara, Anugerah Tokoh Akademik Negara dan lain-lain.
- f. Anugerah peringkat antarabangsa meliputi Anugerah UNESCO, WHO etc.

(56) Anugerah Lain

Anugerah yang diterima berdasarkan selain daripada nama-nama anugerah akademik dengan syarat mempunyai kedudukan sebagai satu pengiktirafan tinggi di atas sesuatu sumbangan atau pencapaian yang dihasilkan berasaskan kepakaran. *(Anugerah dalam kategori ini perlu dijelaskan oleh pemohon)*

(57) Ucaptama / Plenari / Penceramah Jemputan

Seseorang yang dijemput untuk pembentangan bagi memberikan pandangan membuat tentang sesuatu perkara dalam bidang kepakaran.

(58) Ahli Lembaga Pengarah Industri / IPT / Ketua Pasukan Petugas

- i. Pakar yang dilantik untuk menganggotai keahlian Lembaga Pengarah sesebuah organisasi samaada diperingkat industri atau IPT.
- ii. Ketua Pasukan Petugas adalah seseorang yang dilantik untuk melaksanakan satu tugas khas di peringkat kebangsaan untuk tempoh yang tertentu.

(Semua lantikan perlu diiktiraf oleh panel penilai kesepakaran)

(59) **Pentadbir Akademik**

Staf akademik yang dilantik secara giliran untuk sesuatu tempoh bagi sesuatu jawatan pentadbiran yang diluluskan oleh Universiti.

(60) **Keahlian Jawatankuasa (Pengerusi / AJK)**

Keahlian yang dilantik bagi tempoh tertentu sekurang-kurangnya di peringkat fakulti.

(61) **Jawatankuasa**

Satu kumpulan yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti dengan skop dan terma rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini termasuk jawatankuasa dalam Badan Penasihat / Badan Profesional seperti Majlis Fatwa, NGO etc yang diiktiraf oleh panel penilai kesepakaran.

(62) **Pasukan Petugas (Task Force)**

Satu kumpulan yang dilantik untuk melaksanakan satu tugas khas yang telah dikenal pasti dan mempunyai tempoh yang telah ditetapkan. Lantikan pasukan pertugas sekurang-kurangnya di peringkat fakulti.

(63) **Resource Person untuk kursus pendek/latihan**

Resource person merujuk kepada pakar rujuk/pemudahcara sekurang-kurangnya di peringkat fakulti dan diiktiraf oleh universiti sebagai penyumbang kepada ide-ide inovatif dan kreatif.

(64) **Perkhidmatan ke agensi luar/industri/jabatan/IPT/Institusi Luar**

Lantikan yang merujuk kepada pengiktirafan kepakaran/ kewibawaan/ kepimpinan sekurang-kurangnya di peringkat Universiti/tempatan yang diiktiraf oleh Universiti

(65) **Projek Perundingan**

Perundingan bermaksud sebarang kerja atau aktiviti yang menggunakan kepakaran Universiti untuk tujuan penyelesaian masalah dan penjanaan pendapatan. Nilai kumulatif atas jawatan semasa dikira secara berkadaran (*Propotionate*).

i.30% daripada jumlah dana projek perundingan mestilah sebagai ketua projek.

ii.30% daripada jumlah dana projek perundingan mestilah diperolehi atas jawatan semasa.

(66) ***Pegawai Pelaksana Jaringan Industri***

Staf yang dilantik sebagai Ketua/Ahli yang mengambil inisiatif dan menyelaras bagi memastikan MOA/MOU/LOI ditandatangani dan dilaksanakan seperti dirancang.

(67) ***MOA/MOU***

MOA/MOU merujuk kepada mereka yang menghasilkan MOA/MOU dengan agensi luar.

***Garis panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.*

1.2 Peranan dan Tanggungjawab

a. *Dekan Fakulti*

- i. Dekan Fakulti bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap Pemohon di dalam membuat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT).
- ii. Setelah seseorang staf daripada fakultinya dinaikkan pangkat, Dekan Fakulti hendaklah mengatur semula tugas dan tanggungjawab staf tersebut supaya sesuai dengan gred hakiki yang disandang.

b. *Dekan Research Alliance*

- i. Dekan *Research Alliance* bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap Pemohon di dalam membuat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT).

c. *Ketua Jabatan*

- i. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap Pemohon di dalam membuat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) dan Laporan Perakuan Kenaikan Pangkat.
- ii. Ketua Jabatan juga haruslah menentukan Penilai-penilai Luar yang berke Layakan, berkebolehan, dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang sama dengan pemohon.

d. *Penilai Luar (Referee)*

- i. Penilai Luar hendaklah mempunyai kepakaran di dalam bidang yang sama atau berkaitan dengan bidang kepakaran calon; dan berkhidmat dengan organisasi selain UTM sama ada organisasi dalam Negara atau luar Negara; serta mempunyai gred jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan yang dipohon.

(Terma Rujukan bagi Penilai Luar seperti di Lampiran 1)

e. Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (Peer-Review Committee)

i. Penilai Kesepakatan terdiri daripada empat (4) orang staf akademik (Pengerusi; dan tiga (3) orang ahli di mana sekurang-kurangnya seorang ahli adalah wakil fakulti yang berlainan, seorang wakil daripada *Research Alliance* (RA)/ Pusat Tanggungjawab (PTJ), seorang wakil daripada Fakulti/RA yang sama) yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan dan mempunyai gred jawatan **lebih tinggi daripada jawatan pemohon.**

ii. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai kepakaran pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* serta menyemak markah pencapaian bagi permohonan jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan ke atas.

(Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Penilai Kesepakatan seperti di Lampiran 2)

f. Pemohon

Pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada Urus Setia dengan cara:

i. Mengisi surat permohonan kenaikan pangkat secara online.

(Format Surat Permohonan seperti di Lampiran 3)

ii. Melengkapkan Pernyataan Peribadi (mengikut format ditetapkan).

(Format Pernyataan Peribadi seperti di Lampiran 4)

iii. CV lengkap terkini (mengikut format ditetapkan).

(Format CV seperti di Lampiran 5)

iv. Mengemaskini maklumat dan memuatnaik dokumen seperti Sijil-sijil kelayakan Akademik, Sijil Profesional, Borang Conflict of Interest, Surat Kelulusan Isytihar Harta dalam sistem UTMHR etc.

(Senarai semak permohonan di Lampiran 5)

g. *Urus Setia Fakulti*

Urus Setia Fakulti adalah bertanggungjawab untuk:

Menyemak permohonan calon yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan, iaitu:

- i) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan staf mencapai sekurang-kurangnya purata 80% bagi tiga (3) tahun terakhir sebelum permohonan; dan
- ii) Mencalonkan lima (5) orang Penilai Luar dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Pengurusan Universiti.
- iii) Mencalonkan Panel Jawatankuasa Penilai Kesepakatan dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Pengurusan Universiti.
- iv) Mengumpulkan perakuan daripada Ketua Jabatan, Dekan Fakulti /Dekan *Research Alliance*.
- v) Memastikan dan mengesahkan setiap pemohon telah melepasi syarat minimum yang ditetapkan (kecuali dalam kes tertentu).
- vi) Menghantar CV lengkap dan hasil penerbitan kepada Penilai Luar mengikut jawatan dan memastikan laporan diterima mengikut masa yang telah ditetapkan.
- vii) Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (*Peer-review Committee*) bagi setiap calon mengikut bidang kepakaran masing-masing.
- viii) Mengemukakan laporan penuh mesyuarat Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (*Peer-review Committee*) bersama maklumat lengkap Pemohon kepada Urus Setia Pusat.
(*Senarai semak permohonan di Lampiran 5*)

(h) **Urus Setia Pusat**

Urus Setia Pusat adalah bertanggungjawab untuk:

- i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan bagi Pelantikan ke Suatu Jawatan Kursi (JPK) /Jawatankuasa Pemilihan bagi Jawatan Guru Selain Jawatan Kursi (JPG) mengikut permohonan yang diterima.
- ii) Menguruskan proses temuduga kenaikan pangkat bagi permohonan ke Gred DS54, Gred VK7, Gred VK6 dan Gred VK5.
- iii) Menyediakan kertas kerja perakuan kenaikan pangkat ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) / Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mengikut kategori permohonan.

1.3 Urus Setia Kenaikan Pangkat

- (a) Urus Setia kenaikan pangkat di peringkat pusat ialah :
Seksyen Perjawatan (Unit Kenaikan Pangkat Staf Akademik),
Bahagian Pengurusan Modal Insan,
Pejabat Pendaftar,
Universiti Teknologi Malaysia.
- (b) Urus Setia kenaikan pangkat di peringkat fakulti ialah :
Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Timbangan Pendaftar,
Unit Pengurusan Modal Insan,
Fakulti / Bahagian,
Universiti Teknologi Malaysia.

1.4 Jawatankuasa Pemilihan bagi Jawatan Guru Selain Jawatan Kursi (JPG)

Jawatankuasa Pemilihan ini merupakan Jawatankuasa di peringkat Universiti yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* untuk permohonan ke jawatan Pensyarah Kanan (Gred DS52) dan Profesor Madya (Gred DS54).

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan ahli-ahlinya terdiri daripada:

- (a) Dua (2) orang Ahli Senat yang berjawatan Profesor

- (b) Dekan Fakulti/RA Pemohon yang terlibat.
- (c) Pendaftar.
- (d) Timbalan Pendaftar (Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar) sebagai Setiausaha.

1.5 Jawatankuasa Pemilih Bagi Pelantikan Ke Satu Jawatan Kursi (JKP)

Jawatankuasa Pemilih ini merupakan Jawatankuasa di peringkat Universiti yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk permohonan ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan ke atas.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Canselor, dengan ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU), iaitu:

- (a) Seorang ahli LPU yang mewakili Lembaga.
- (b) Dua (2) orang yang mewakili Senat.
- (c) Dekan fakulti/RA Pemohon yang terlibat.
- (d) Pendaftar sebagai Setiausaha.

Panel Penapis Peringkat Universiti bagi jawatan Profesor Gred Khas C, B, dan A hendaklah dipengerusikan oleh Naib Canselor dan ahli-ahlinya terdiri daripada:

- (a) Dua (2) orang ahli Senat yang berjawatan Profesor.
- (b) Dekan Fakulti/RA Pemohon yang terlibat.
- (c) Pendaftar sebagai Setiausaha.

1.6 Iklan dan Hebahan Pelawaan Kenaikan Pangkat

Iklan dan hebahan pelawaan bagi tujuan kenaikan pangkat bagi sesuatu jawatan akan diuruskan oleh Pejabat Pendaftar. Iklan atau hebahan pelawaan akan dimaklumkan kepada staf-staf melalui kaedah berikut:

- (a) Bagi jawatan-jawatan Staf Akademik, permohonan boleh dibuat sepanjang tahun. Permohonan tersebut boleh dibuat setelah pemohon memenuhi syarat minimum dan melepasi tahap minimum Kriteria Kenaikan Pangkat.

Proses kerja permohonan kenaikan pangkat staf akademik UTM adalah seperti di **Lampiran 6**.

BAHAGIAN 2

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT

2.1 Syarat Skim Perkhidmatan

Syarat-syarat kenaikan pangkat sepertimana yang diperuntukan dalam Skim Perkhidmatan mengikut gred adalah seperti berikut:

2.1.1 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52

Pensyarah Universiti Gred DS45 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS52 apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

2.1.2 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya Gred DS54

Pensyarah Universiti Gred DS51/DS52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

2.1.3 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas Gred C (VK7)

Pensyarah Universiti Gred DS54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

2.1.4 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) Dalam Keadaan Istimewa

Pensyarah Universiti Gred DS45 / DS51 / DS52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya.

2.1.5 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas yang lebih tinggi

Pensyarah Universiti Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- (c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Arahan Perkhidmatan dan apa jua arahan yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah Universiti dari semasa ke semasa hendaklah dirujuk.

2.2 Syarat Minimum Kenaikan Pangkat Mengikut Skim

2.2.1 Syarat Umum

Untuk proses kenaikan pangkat, semua staf di UTM haruslah memenuhi syarat umum berikut, iaitu:

- (a) Memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan oleh Skim Perkhidmatan.
- (b) Mencapai prestasi yang ditetapkan iaitu:
 - i) Mencapai sekurang-kurangnya purata 80% untuk Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (e-LPPT) bagi tiga (3) tahun terakhir sebelum permohonan. Pertimbangan khas akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan berkenaan bagi pemohon yang memperolehi markah cuti belajar di bawah purata 80%;
 - ii) Mencapai sekurang-kurangnya 80% untuk setiap kriteria utama yang ditetapkan kecuali kepada pemohon yang berumur 48 tahun ke atas, perlu mencapai sekurang-kurangnya 60% bagi setiap kriteria utama;
- (c) Bebas daripada hukuman tatatertib pada masa permohonan;
- (d) Telah mengisytiharkan harta secara online dalam tempoh 5 tahun terkini ;
- (e) Diperakukan oleh Dekan Fakulti/Dekan *Research Alliance*;
- (f) Untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan Profesor Gred VK7/ VK6/ VK5, pemohon dikehendaki mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD);
- (g) Bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor VK6 dan VK5 staf diwajibkan telah menyampaikan syarahan perdana.
- (h) Staf akademik yang berusia 40 tahun dan ke bawah pada 1 Jun 2010 diwajibkan telah selesai menjalani latihan ikhtisas bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan jawatan Profesor kecuali yang mendapat pengecualian selaras dengan polisi Latihan Ikhtisas.
- (i) Kenaikan istimewa ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan ke atas, pemohon mestilah telah menunjukkan prestasi cemerlang yang sangat luar biasa di dalam bidang kepakarannya;
- (j) Bagi staf akademik yang bercuti tanpa gaji melebihi satu (1) tahun atas sebab kepentingan Universiti, markah Laporan Penilaian

Prestasi Tahunan (LPPT) untuk tiga (3) Tahun sebelum staf Cuti Tanpa Gaji (CTG) boleh diberikan pertimbangan;

- (k) Diperakukan Jawatankuasa Pemilih Pusat / Jawatankuasa Penilai
- (l) Penilaian khas (jika diperlukan) akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(m) Calon hendaklah telah mempamerkan ciri-ciri kepimpinan yang terserlah dan pengalaman kerja berpasukan dan diperakukan oleh Panel Penilai.

2.2.2 Kriteria utama dan taburan markah bagi kenaikan pangkat staf akademik

a) Kriteria utama bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (**Gred DS52**) adalah seperti berikut:

- i. Telah memperolehi kelayakan Ijazah Doktor Falasafah (PhD);
ATAU
- ii. Telah berumur 40 tahun ke atas **ATAU** berkhidmat di jawatan Pensyarah Gred DS45 sekurang-kurangnya 12 tahun **DAN** menghasilkan satu (1) artikel jurnal indeks ISI dan berimpak 0.5 ke atas **ATAU** memperolehi kelayakan professional (Ir., Sr., Ar. dan setaraf);
ATAU
- iii. Telah berkhidmat di UTM sekurang-kurangnya 15 tahun;
ATAU
- iv. Telah mencapai umur 48 tahun dan ke atas.

b) Kriteria utama bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan Profesor adalah seperti berikut:

GRED	Penyelidikan dan Penerbitan (%)	Pengajaran dan Penyelesaian (%)	Sanjungan Akademik dan Kepimpinan Akademik (%)	Khidmat kepada Universiti dan Masyarakat (%)	Perundingan Jaringan Industri (%)	Jumlah (%)
DS54	40	40	5	10	5	100
VK7/6/5 PROF. PENYELIDIKAN UTAMA (VK-PU)	50	30	10	5	5	100
VK7/6/5 PROF. PENYELIDIKAN & PENGAJARAN (VK-PP)	40	40	10	5	5	100
VK7/6/5 PROF. PENYELIDIKAN & PERKHIDMATAN (VK-PK)	40	30	10	15	5	100

Syarat:

1. Kesemua lima (5) kriteria di atas perlu dipenuhi.
2. Markah minimum untuk layak memohon adalah sebanyak 80% bagi setiap kriteria dan 80% bagi jumlah keseluruhan kecuali kepada pemohon yang berumur 48 tahun ke atas, perlu mencapai sekurang-kurangnya 60% bagi setiap kriteria dan 60% bagi jumlah keseluruhan.

2.3 Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat

2.3.1 Bidang Sains Teknologi

(Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat bagi bidang Sains Teknologi seperti di Lampiran 7)

2.3.2 Bidang Sains Sosial

(Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat bagi bidang Sains Sosial seperti di Lampiran 8)

2.4 Ringkasan Peratusan

Kesemua kriteria tersebut akan dijadikan ke dalam bentuk peratus (%) mengikut jumlah peratusan yang telah ditetapkan.

(Ringkasan Peratusan seperti di Lampiran 10)

2.5 Pemilihan

Pemilihan calon-calon untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilih yang berkenaan.

BAHAGIAN 3

PERIHAL MENGENAI KENAIKAN PANGKAT

3.1 Prinsip Penetapan Gaji bagi Kenaikan Pangkat

3.1.1 Peraturan telah menetapkan bahawa gaji yang diterima oleh seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah lebih tinggi daripada gaji akhir yang diterima dalam gred terdahulu. Berikut adalah kaedah penetapan gaji kenaikan pangkat staf :

- (b) Jika gaji akhir dalam gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, dan perbezaan itu adalah sama dengan atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, gaji hendaklah dibayar gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat itu;
- (c) Jika gaji akhir dalam gred terdahulu kurang daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat tetapi perbezaannya adalah kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, gaji permulaan hendaklah ditentukan pada mata gaji atau amaun gaji di gred kenaikan pangkat selepas mata gaji minimum supaya perbezaan antara gaji akhir dalam gred terdahulu dan gaji barunya dalam gred kenaikan pangkat adalah sama atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred terdahulunya; dan
- (d) Jika gaji akhir dalam gred terdahulu sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, staf itu hendaklah dibayar gaji pada satu mata gaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhir yang diterimanya dalam gred terdahulu dan perbezaan gaji antara gaji kenaikan pangkat dan gaji dalam gred terdahulu hendaklah tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu.

3.1.2. Jika seseorang pegawai dinaikkan pangkat sebelum atau sama dengan tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatan terdahulunya,

pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada hendaklah diberi terlebih dahulu sebelum menentukan gaji permulaan dalam jawatan kenaikan pangkat.

Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Arahan Perkhidmatan dan apa jua arahan yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah Universiti dari semasa ke semasa hendaklah dirujuk.

3.2 Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan

Tarikh pergerakan gaji tahunan ditetapkan kepada empat tarikh pergerakan sahaja dalam setahun, iaitu sama ada 1 Januari, 1 April, 1 Julai, atau 1 Oktober. Tarikh pergerakan gaji tahunan staf yang dinaikkan pangkat adalah mengikut kaedah berikut:

- a) Jika tarikh staf yang dinaikkan pangkat jatuh pada tarikh antara 1 Januari – 31 Mac, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 Januari**.
- b) Jika tarikh staf yang dinaikkan pangkat jatuh pada tarikh antara 1 April – 31 Jun, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 April**.
- c) Jika tarikh staf yang dinaikkan pangkat jatuh pada tarikh antara 1 Julai – 30 September, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 Julai**.
- d) Jika tarikh staf yang dinaikkan pangkat jatuh pada tarikh antara 1 Oktober - 31 Disember, maka tarikh pergerakan gajinya ialah pada **1 Oktober**.

3.3 Tarikh Kenaikan Pangkat

Tarikh kenaikan pangkat bagi semua jawatan akademik di UTM adalah pada tarikh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan.

3.4 Staf yang Bercuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Berbiasiswa, Cuti Separuh Gaji dan Tanpa Gaji

Staf bagi kategori berikut adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat:

- (a) Bercuti belajar bergaji penuh.
- (b) Cuti belajar berbiasiswa.
- (c) Cuti separuh gaji.
- (d) Bercuti tanpa gaji.

Walaupun bagaimanapun, bagi staf yang bercuti tanpa gaji, keananannya selama tempoh staf bercuti tanpa gaji tidak akan diambil kira.

3.5 Staf yang Dilantik Secara Kontrak, Sementara, Sambilan dan Sebagainya

Staf yang dilantik secara kontrak, sementara, sambilan dan sebagainya adalah tidak layak memohon untuk kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat hanya dikhaskan untuk pemohon yang berjawatan tetap sahaja.

3.6 Staf Yang Dilantik Secara Pertukaran Sementara Dan Pinjaman

Staf yang dilantik secara pertukaran sementara atau pinjaman ke agensi luar, layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi di jawatan hakikinya. Urusetia di peringkat fakulti akan bertanggungjawab memaklumkan kepada staf yang sedang dipinjam secara pertukaran sementara atau pinjaman mengenai iklan/pelawaan kenaikan pangkat.

Laporan Ketua Jabatan dan Penilaian Prestasi hendaklah dibuat oleh pihak majikan di tempat staf itu bertugas sebagai tambahan dan perakuan Ketua Jabatan di tempat bertugas hakiki staf.

3.7 Staf Yang Dilantik Memegang Jawatan Pentadbir Akademik

Staf yang dilantik memegang jawatan Pentadbir Akademik layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan hakikinya

dan permohonan hendaklah dilakukan melalui fakulti masing-masing. Pihak Universiti boleh memberi pertimbangan khusus dengan melihat sumbangan Pentadbir Akademik dalam membangunkan fakulti serta universiti dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Walau bagaimanapun, bagi pemohon-pemohon kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dari kalangan Pentadbir akademik, pertimbangan khas ini hanya diberikan kepada pentadbir akademik yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama **2 penggal lantikan (4 tahun)**. Pertimbangan khas yang akan dinilai adalah bagi membolehkan butang 'Submit' diberikan kepada pemohon yang belum memenuhi syarat mencapai 80% dalam sistem permorkahan kriteria kenaikan pangkat staf akademik.

3.8 Prestasi Staf Akademik

Prestasi seseorang staf akademik adalah ditentukan berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Kenaikan Pangkat, Universiti Teknologi Malaysia. Penilaian dibuat berdasarkan lima (5) kriteria utama, iaitu:

1. Penyelidikan dan Perundingan
2. Pengajaran dan Penyeliaan
3. Sanjungan Akademik dan Kepimpinan Akademik
4. Khidmat kepada Universiti dan Masyarakat
5. Perundingan Jaringan Industri

Laporan Ketua Jabatan, Laporan Dekan Fakulti, Laporan Dekan *Research Alliance*, Laporan Penilai Luar serta Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan untuk jawatan Profesor dan Profesor Madya juga memainkan peranan dalam menentukan prestasi staf akademik di dalam menyokong permohonan kenaikan pangkat. Selain daripada itu, Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) dan prestasi calon semasa temuduga juga diambil kira.

3.9 Laporan Penilai Luar untuk Permohonan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya dan Profesor

Penilai Luar hendaklah mempunyai kepakaran di dalam bidang yang sama atau berkaitan dengan bidang kepakaran calon dan berkhidmat dengan organisasi selain

UTM dan setara sama ada organisasi dalam Negara atau luar Negara; serta mempunyai gred jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan yang dipohon.

Fakulti perlu mencalonkan sekurang-kurangnya lima (5) orang Penilai Luar yang difikirkan sesuai dan dimajukan kepada Urus Setia Pusat. Jadual ringkasan, CV serta latar belakang Penilai Luar perlu disertakan bagi permohonan pelantikan Penilai Luar yang baru.

Urus Setia Kenaikan Pangkat Pusat akan memajukan cadangan tersebut untuk kelulusan Pihak Pengurusan Universiti. Setelah mendapat kelulusan Pihak Pengurusan Universiti, Pejabat Pendaftar akan mengemukakan surat kelulusan kepada fakulti bagi tujuan pihak fakulti melantik Penilai Luar tersebut untuk menilai pemohon yang berkenaan.

Urusetia fakulti perlu mengemukakan bersama CV serta salinan penerbitan kepada Penilai Luar tersebut bagi tujuan penilaian. Penilai Luar diberikan tempoh selama dua (2) minggu untuk menyediakan laporan dan menghantar kembali kepada pentadbir fakulti. Laporan tersebut perlu dihantar kepada urus setia berserta dengan Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan.

Bagi urusan tapisan permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dikemukakan ke Jawatankuasa Pemilih, pihak fakulti perlu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) laporan penilai luar yang menyokong permohonan calon.

(Proses Kerja Pengurusan Laporan Penilai Luar Seperti Di Lampiran 11)

